



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum
PENDIDIKAN SENI VISUAL
TAHUN 4
EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bidang / Aktiviti		Standard Kandungan / Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
1.	Menggambar i. Catan ii. Mozek iii. Poster iv. Cetakan	1.1	Bahasa Seni Visual 1.1.1 Mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual yang ada pada karya dalam Bidang Menggambar: (i) catan (ii) mozek (iii) poster (iv) cetakan	3.1	Penghasilan Karya Kreatif 3.1.1 Menghasilkan karya kreatif dalam Bidang Menggambar berdasarkan: (i) penentuan tema dan tajuk melalui sumber idea. (ii) perkembangan idea melalui pengolahan komposisi, kadar banding, perspektif dan reka letak berpandukan kajian lakaran. (iii) penetapan jenis media dan teknik yang sesuai berdasarkan perkembangan idea. (iv) disiplin pengkaryaan dan nilai murni. (v) kemasan akhir.	5.1	Persembahan Hasil Karya 5.1.1 Merancang persediaan pameran seni visual dalam kumpulan meliputi: (i) penentuan lokasi pameran (ii) pengumpulan karya (iii) penghasilan kapsyen (iv) penentuan susun atur karya (v) promosi pameran 5.1.2 Menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan. 5.1.3 Menceritakan karya sendiri dan memberi pandangan karya rakan semasa pameran. 5.1.4 Memastikan karya dan alat pameran selamat
		2.1	Kemahiran Seni Visual 2.1.1 Mengaplikasikan bahasa seni visual pada karya catan dalam Bidang Menggambar melalui penerokaan: (i) media dan teknik basah atas basah. (ii) proses pengkaryaan.				

Bidang / Aktiviti		Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
		Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		<p>2.1.2 Mengaplikasikan bahasa seni visual pada karya mozek dalam Bidang Menggambar melalui penerokaan:</p> <p>(i) media dan teknik susunan bahan.</p> <p>(ii) proses pengkaryaan.</p> <p>2.1.3 Mengaplikasikan bahasa seni visual pada karya poster dalam Bidang Menggambar melalui penerokaan:</p> <p>(i) media dan teknik menggunakan gabungan lukisan dan montaj.</p> <p>(ii) proses pengkaryaan.</p> <p>2.1.4 Mengaplikasikan bahasa seni visual pada karya cetakan dalam Bidang Menggambar melalui penerokaan:</p> <p>(i) media dan teknik</p>	<p>4.1 Penghayatan Karya Seni Visual</p> <p>4.1.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>4.1.2 Membuat pernyataan lisan secara kritis karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses serta menghubungkan seni dengan kehidupan seharian.</p>	<p>dan terpelihara semasa pameran dijalankan.</p> <p>5.1.5 Menyusun bahan dan alatan pameran seni serta memastikan ruang pameran bersih selepas pameran dilaksanakan.</p>

Bidang / Aktiviti		Standard Kandungan / Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
			kolograf. (ii) proses pengkaryaan.				
2.	Membuat Corak dan Rekaan i. Pualaman ii. Stensilan	1.1	Bahasa Seni Visual 1.1.2 Mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual yang ada pada karya dalam Bidang Membuat Corak dan Rekaan: (i) pualaman (ii) stensilan	3.1	Penghasilan Karya Kreatif 3.1.2 Menghasilkan corak kreatif dalam Bidang Membuat Corak dan Rekaan berdasarkan: (i) penentuan tema dan tajuk melalui sumber idea. (ii) perkembangan idea melalui pengolahan motif dan struktur susunan motif melalui kajian lakaran. (iii) penetapan jenis media dan teknik yang sesuai berdasarkan perkembangan idea. (iv) disiplin pengkaryaan	5.1	Persembahan Hasil Karya 5.1.1 Merancang persediaan pameran seni visual dalam kumpulan meliputi: (i) penentuan lokasi pameran (ii) pengumpulan karya (iii) penghasilan kapsyen (iv) penentuan susun atur karya (v) promosi pameran 5.1.2 Menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan. 5.1.3 Menceritakan karya sendiri dan memberi pandangan karya rakan

Bidang / Aktiviti		Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
		Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		<p>(iii) idea rekaan produk berfungsi</p> <p>2.1.6 Mengaplikasikan bahasa seni visual pada karya stensilan dalam Bidang Membuat Corak dan Rekaan melalui penerokaan:</p> <p>(i) media dan teknik stensilan.</p> <p>(ii) proses pengkaryaan.</p> <p>(iii) idea rekaan produk berfungsi</p>	<p>dan nilai murni.</p> <p>(v) kemasan akhir.</p> <p>3.1.3 Menghasilkan produk rekaan kreatif dalam Bidang Membuat Corak dan Rekaan menggunakan corak yang telah dihasilkan berdasarkan:</p> <p>(i) penentuan tema dan tajuk melalui sumber idea.</p> <p>(ii) perkembangan Idea reka bentuk.</p> <p>(iii) penetapan jenis Media dan teknik yang sesuai berdasarkan reka bentuk.</p> <p>(iv) disiplin pengkaryaan dan nilai murni.</p> <p>(v) kemasan akhir.</p>	<p>semasa pameran.</p> <p>5.1.4 Memastikan karya dan alat pameran selamat dan terpelihara semasa pameran dijalankan.</p> <p>5.1.5 Menyusun bahan dan alatan pameran seni serta memastikan ruang pameran bersih selepas pameran dilaksanakan.</p>

Bidang / Aktiviti		Standard Kandungan / Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
				4.1 Penghayatan Karya Seni Visual 4.1.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan. 4.1.2 Membuat pernyataan lisan secara kritis karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses serta menghubungkan seni dengan kehidupan seharian.		
3. Membentuk dan Membuat Binaan i. Arca ii. Diorama	1.1 Bahasa Seni Visual 1.1.3 Mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual yang ada pada karya dalam Bidang Membentuk dan Membuat Binaan: (i) arca (ii) diorama		3.1 Penghasilan Karya Kreatif 3.1.4 Menghasilkan produk kreatif dalam Bidang Membentuk dan Membuat Binaan berdasarkan: (i) penentuan tema dan tajuk melalui sumber idea. (ii) penentuan fungsi dan rekaan melalui sumber idea.	5.1 Persembahan Hasil Karya 5.1.1 Merancang persediaan pameran seni visual dalam kumpulan meliputi: (i) penentuan lokasi pameran (ii) pengumpulan karya (iii) penghasilan kapsyen (iv) penentuan susun atur karya		

Bidang / Aktiviti		Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
		Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		<p>2.1 Kemahiran Seni Visual</p> <p>2.1.7 Mengaplikasikan bahasa seni visual pada karya arca dalam Bidang Membentuk dan Membuat Binaan melalui penerokaan:</p> <p>(i) media dan teknik asemblaj.</p> <p>(ii) proses pengkaryaan.</p> <p>2.1.8 Mengaplikasikan bahasa seni visual pada karya diorama dalam Bidang Membentuk dan Membuat Binaan melalui penerokaan:</p> <p>(i) media dan teknik binaan.</p> <p>(ii) proses pengkaryaan.</p>	<p>(iii) perkembangan idea reka bentuk dengan menekankan aspek keselamatan dalam penghasilan.</p> <p>(iv) penetapan jenis media dan teknik yang sesuai berdasarkan reka bentuk yang kukuh, tahan, kuat dan selamat.</p> <p>(iv) disiplin pengkaryaan dan nilai murni.</p> <p>(v) kemasan akhir.</p> <p>4.1 Penghayatan Karya Seni Visual</p> <p>4.1.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>4.1.2 Membuat pernyataan lisan secara kritis karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses serta menghubungkaitkan</p>	<p>(v) promosi pameran</p> <p>5.1.2 Menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan.</p> <p>5.1.3 Menceritakan karya sendiri dan memberi pandangan karya rakan semasa pameran.</p> <p>5.1.4 Memastikan karya dan alat pameran selamat dan terpelihara semasa pameran dijalankan.</p> <p>5.1.5 Menyusun bahan dan alatan pameran seni serta memastikan ruang pameran bersih selepas pameran dilaksanakan.</p>

Bidang / Aktiviti		Standard Kandungan / Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
					seni dengan kehidupan seharian.		
4.	Mengenal Kraf Tradisional i. Ukiran ii. Alat Domestik	1.1 Bahasa Seni Visual 1.1.4 Mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual yang ada pada karya dalam Bidang Mengenal Kraf Tradisional: (i) ukiran (ii) alat domestik 2.1 Kemahiran Seni Visual 2.1.9 Mengaplikasikan bahasa seni visual pada karya ukiran dalam Bidang Mengenal Kraf Tradisional melalui penerokaan: (i) media dan teknik ukiran bunga timbul. (ii) proses	3.1 Penghasilan Karya Kreatif 3.1.5 Menghasilkan kraf kreatif dalam Bidang Mengenal Kraf Tradisional berdasarkan: (i) penentuan tema dan tajuk melalui sumber idea. (ii) perkembangan idea reka bentuk dengan menekankan identiti kebangsaan. (iii) penetapan jenis media dan teknik yang sesuai berdasarkan penghasilan kraf secara tradisional atau media gantian. (iv) disiplin pengkaryaan dan nilai murni.	5.1 Persembahan Hasil Karya 5.1.1 Merancang persediaan pameran seni visual dalam kumpulan meliputi: (i) penentuan lokasi pameran (ii) pengumpulan karya (iii) penghasilan kapsyen (iv) penentuan susun atur karya (v) promosi pameran 5.1.2 Menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan. 5.1.3 Menceritakan karya sendiri dan memberi pandangan karya rakan semasa pameran.			

Bidang / Aktiviti		Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
		Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		<p>pengkaryaan.</p> <p>2.1.10 Mengaplikasikan bahasa seni visual pada karya alat domestik dalam Bidang Mengenal Kraf Tradisional melalui penerokaan:</p> <p>(i) media dan teknik <i>papier mache</i>.</p> <p>(ii) proses pengkaryaan.</p>	<p>(v) kemasan akhir.</p> <p>4.1 Penghayatan Karya Seni Visual</p> <p>4.1.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>4.1.2 Membuat pernyataan lisan secara kritis karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses serta menghubungkan seni dengan kehidupan seharian.</p>	<p>5.1.4 Memastikan karya dan alat pameran selamat dan terpelihara semasa pameran dijalankan.</p> <p>5.1.5 Menyusun bahan dan alatan pameran seni serta memastikan ruang pameran bersih selepas pameran dilaksanakan.</p>

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917